

**Skim Kawalan Harga Atasi Kenaikan Mendadak Harga Barang Menjelang Perayaan
Bernama
14 Ogos , 2011**

SEBUYAU (Sarawak), 14 Ogos (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan melancarkan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bagi kira-kira 20 jenis barangan pada 16 Ogos ini yang dijangka mampu mengatasi masalah kenaikan mendadak barangan tertentu di musim perayaan.

Timbalannya Datuk Rohani Karim berkata skim yang diperkenalkan adalah bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan daripada permintaan tinggi semasa musim perayaan untuk menaikkan harga barang yang tidak berada dalam senarai barangan kawalan sebelum ini.

Jenis barangan kawalan itu tidak dinyatakan tetapi Bernama difahamkan ia termasuk daging import dan tempatan, telur, ayam dan cili merah.

Rohani berkata skim itu dibuat bagi memastikan pengguna tidak ditindas peniaga yang mahu mengambil kesempatan atas permintaan tinggi ketika perayaan.

Di bawah skim tersebut KPDNKK menetapkan tempoh selama dua minggu iaitu seminggu sebelum dan selepas perayaan untuk mengawal harga barang yang telah disenaraikan, katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Menurutnya skim tersebut tidak hanya akan diaktifkan ketika Hari Raya Aidilfitri malah juga perayaan-perayaan utama lain yang disambut di negara ini.

Dalam pada itu, Rohani mengingatkan pengguna agar bijak dalam membuat pilihan ketika berbelanja dan tidak mudah terpedaya dengan tawaran jualan murah ketika musim perayaan.

Katanya ketika ini kementerian bukan hanya memberi tumpuan kepada usaha untuk mengawal harga barangan agar tidak membebankan rakyat, malah juga mahu mendidik pengguna agar bijak berbelanja.

"Ada banyak pilihan kedai dan produk di pasaran, kita mahu pengguna bijak dalam menentukan apa pilihan mereka dan tidak hanya terkongkong kepada sesebuah kedai ataupun sesuatu jenama sahaja," katanya.

Dalam Skim Kawalan Harga Musim Perayaan itu, beberapa harga barangan kawalan akan diwartakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 untuk dikuatkuasa seminggu sebelum dan selepas perayaan.

Sebelum itu, Rohani yang juga Anggota Parlimen Batang Lupar menyampaikan sumbangan duit raya berjumlah RM15,000 iaitu wang zakat perniagaan daripada Bank Rakyat kepada kira-kira 100 penduduk kampung dan beberapa masjid serta surau sekitar Sebuyau.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=608019>